



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 2009**

---

**PINDAAN KADAR BAYARAN BALIK LETAK KERETA**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan meminda kadar Bayaran Balik Letak Kereta.

**LATAR BELAKANG**

2. Bayaran Balik Letak Kereta diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang disahkan oleh Ketua Jabatan perlu menggunakan kenderaan bagi menjalankan tugas rasmi dan menyewa ruang letak kereta di pejabat masing-masing.

**PELAKSANAAN**

3. Kadar baru Bayaran Balik Letak Kereta adalah berdasarkan kadar sebenar atau maksimum RM90.00 sebulan mengikut mana yang lebih rendah.

## **PINDAAN**

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar Bayaran Balik Letak Kereta seperti di Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1992 adalah **dipinda**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Februari 2009**.

## **PEMAKAIAN**

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ISMAIL ADAM)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

28 Januari 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan